

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil kemudahan Pembelian Bil Pertukaran Asing/Tempatan dengan Hong Leong Bank Bhd. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya.

Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank.

Terma dan syarat muktamad hendaklah dibaca bersama-sama dan digantikan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan (jika ada) selepas penilaian kredit dan kelulusan pinjaman.

Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umumnya.

Hong Leong Bank Bhd
Perbankan Transaksi,
Perbankan Perniagaan dan
Korporat

Produk: Pembelian Bil
Pertukaran Asing/Tempatan
(FBEP/DBEP)

Tarikh: / /

1. Apakah maklumat produk ini?***Pembelian Bil Pertukaran Asing (FBEP)***

Pembelian Bil Pertukaran Asing (FBEP) adalah kemudahan di mana Bank membiayai pelanggan (Pengeksport) melalui pembelian dokumen eksport dikeluarkan kepada pihak pembeli luar negara di bawah Pungutan atau Surat Kredit (LC), hasil pembiayaan akan dikreditkan ke akaun pengeksport sementara menunggu bayaran daripada pihak pembeli.

Pembelian Bil Pertukaran Tempatan (DBEP)

Pembelian Bil Pertukaran Tempatan (DBEP) adalah kemudahan di mana Bank membiayai pelanggan (Penjual) melalui pembelian dokumen jualan dikeluarkan kepada pihak pembeli tempatan di bawah Pungutan atau Surat Kredit (LC), hasilnya dikreditkan ke akaun penjual sementara menunggu bayaran daripada pihak pembeli.

Dokumen untuk pungutan ini tertakluk kepada peraturan terbaharu Uniform Rules for Collections, International Chamber of Commerce Publication. Dokumen yang dikemukakan di bawah surat kredit ini tertakluk pada peraturan terbaharu Uniform Customs and Practice for Documentary Credits, International Chamber of Commerce Publication.

2. Apakah kelebihan produk ini?

a) Kemudahan Pembelian Bil Pertukaran Asing/Tempatan

Item	Deskripsi
Amaun Kemudahan	RM <Jumlah Amaun Kemudahan>
Margin Pembiayaan (Tebaran)	<_>% setahun

b) Bayaran pendahuluan daripada Bank akan mempertingkatkan aliran tunai untuk mengendalikan keperluan modal kerja anda.

c) Kemudahan ini juga boleh digunakan untuk membeli dokumen yang bercanggah di bawah Surat Kredit.

3. Apakah obligasi (kewajipan) saya?

a) Anda belum mendapat dan tidak akan mendapatkan sebarang sumber pembiayaan lain untuk transaksi perdagangan tersebut.

b) Menyerahkan kepada pihak Bank bukti berdokumen yang memuaskan bagi transaksi tersebut (contohnya, invois asal, dokumen pengangkutan dll.) sebagaimana diminta oleh bank.

c) Jika bil dibeli dan pendahuluan diberikan oleh Bank (termasuk jika Bank telah meminta bayaran ganti daripada bank pembayar ganti), dan jika Bank Pengeluar/Bank Pemungut tidak mengesahkan bil, anda hendaklah

membayar balik semua bayaran pendahuluan yang dibayar oleh Bank bersama faedah pada kadar yang ditentukan oleh Bank dan semua kos dan perbelanjaan berkaitan yang ditanggung oleh Bank.

d) Anda membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank dengan sebarang caj, faedah, kos atau perbelanjaan berhubung dengan bayaran yang dibuat oleh Bank dan pembayaran balik kemudahan FBEP/DBEP.

e) Apakah masa terakhir untuk mematuhi prosedur pengeluaran FBEP/DBEP?

PRODUK PERDAGANGAN	MASA TERAKHIR
Pembiayaan FBEP/DBEP (RENTAS)	12 pm
Pembiayaan FBEP/DBEP (Bukan RENTAS) * (Pembayaran mata wang asing tertakluk kepada masa terakhir untuk setiap mata wang. Sila rujuk kepada Pusat Perkhidmatan Perdagangan untuk maklumat lanjut tentang masa terakhir bagi setiap mata wang)	2 pm *

f) **Pengiraan Harga FBEP**

Kos Dana Mata Wang Asing (FC ECOF) + Tebaran [_% setahun]

g) **Pengiraan Harga DBEP**

Kadar Pinjaman Asas (BLR) + Tebaran [_% setahun]

Untuk bil tampak (pembayaran berdasarkan penerimaan dokumen)

Faedah adalah dikira dari tarikh pembiayaan sehingga bayaran ganti diterima untuk bil tampak.

Faedah = $\frac{\text{Prinsipal} \times (\text{FC ECOF} / \text{BLR} + \text{Tebaran}) \times \text{Tempoh}}{360^* / 365}$

* 360 hari untuk USD

Untuk bil usans (pembayaran selepas tempoh tertentu dari penerimaan dokumen)

Pelanggan akan menerima bayaran pendahuluan dengan hasil terdiskaun di mana faedah dibayar terlebih dahulu.

Hasil terdiskaun = $\frac{P [1 - (\text{FC ECOF} / \text{BLR} + \text{Tebaran}) \times \text{Tempoh}]}{360^* / 365}$

* 360 hari untuk USD

4. Apakah caj lain yang perlu dibayar?

Komisen FBEP/DBEP

- 0.10% atas amaun bil, dengan amaun minimum RM50.00 dan maksimum RM150.00

Kos Penghantaran

- Mengikut kadar syarikat penghantaran

Bayaran Pos

- RM5.00 pada kadar sama rata

Perhatian: Semua bayaran komisen, caj-caj dan wang lain yang kena dibayar adalah tidak termasuk dan tertakluk kepada apa-apa Cukai Kerajaan.

5. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

a) Sekiranya anda gagal menjelaskan dan membayar balik Bank pada tarikh matang, Bank boleh menukar amaun lampau tempoh atau sebahagian daripadanya kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran Bank pada tarikh pertukaran itu.

- b) Transaksi akan ditukar kepada lampau tempoh pada tarikh matang jika bayaran tidak diterima daripada anda. **Bil lampau tempoh akan dikenakan faedah penalti pada Kadar Ditetapkan + 1% sehingga tarikh pembayaran balik.**
- c) Kemudahan FBEP/DBEP dan kemudahan perdagangan yang lain akan digantung serta-merta.
- d) Bank berhak untuk melaksanakan aktiviti pemulihan atau tindakan undang-undang:
- (i) **Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklumbalas kepada notis peringatan. Aset anda boleh dirampas dan anda akan menanggung semua kos yang berkaitan. Anda juga bertanggungjawab untuk melunaskan sebarang kekurangan yang tertanggung selepas aset anda dijual.**
 - (ii) Pihak Bank mempunyai hak untuk melaksanakan aktiviti pemulihan (termasuk melantik agensi pungutan hutang pihak ketiga), rampasan harta dan prosiding bankrap.
- Perhatian: Tindakan undang-undang ke atas anda akan menjejaskan penilaian kredit peribadi yang menjurus kepada permohonan kredit menjadi lebih sukar atau mahal.

6. Apakah yang saya perlu lakukan jika ada perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Anda harus memaklumkan kami dengan kadar segera mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua surat menyurat sampai tepat pada masanya.

7. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan dan penyelesaian kewangan ?

- Jika anda menghadapi masalah untuk memnuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di:

Pusat Panggilan Pelanggan : 03-7626 8899/03-7661 7777

Faksimili: 03-7946 8888

E-mel: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan:

Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP) yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama diantara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan.

Anda boleh menghubungi KNP di:

MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC

Alamat : Pegawai penasihat KNP di mana-mana cawangan di seluruh negara. Untuk lokasi cawangan, sila

rujuk kepada laman web CGC di [https:// www.cgc.com.my/cgc-branches/?lang=my](https://www.cgc.com.my/cgc-branches/?lang=my)

No Telefon : 03- 7880 0088

E-Mel : myknp@cgc.com.my

Laman Web : www.myknp.com.my

Small Debt Resolution Committee (SDRC), ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (SME). Anda boleh menghubungi SDRC di:

SDRC Secretariat, Development Finance and Enterprise Department

Alamat : Bank Negara Malaysia (BNM), Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur

Telefon : 1-300-88-5465

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman web : www.bnm.gov.my

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:-

Customer Advocacy
Level 13A Floor, Menara Hong Leong,
No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara
50490, Kuala Lumpur
Telefon: 03-76268801/03-76268802/03-76268812
E-mel: customerservice@hbb.hongleong.com.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami dengan memuaskannya, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK
Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.
Telefon : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman web : www.ofs.org.my

8. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah bankinginfo di laman web www.bankinginfo.com.my

Secara alternatif, sila hubungi kami di:

**Trade Sales & Product
Hong Leong Bank Berhad
Level 10, Menara Hong Leong
No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel : (03) 7661 7777
Atau lawati www.hlb.com.my**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada [/ /]